

**GARIS PANDUAN PENGECUALIAN 50% DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS  
KENDERAAN PERSENDIRIAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN  
YANG TAMAT BERKHIDMAT DI LANGKAWI / LABUAN**

**1. Pengenalan**

**Kakitangan Kerajaan (tidak terpakai kepada kakitangan Badan Berkanun)** yang tamat berkhidmat di Langkawi / Labuan layak mendapat pengecualian 50% duti import dan duti eksais ke atas kenderaan persendirian yang dibawa balik dari Langkawi / Labuan merujuk kepada **Butiran 120 Perintah Duti Kastam (Pengecualian)(Pindaan)(No.4) 2023 dan Butiran 44 Perintah Duti Eksais (Pengecualian)(Pindaan) 2023.**

**2. Syarat Kelayakan**

- (i) Pemohon mestilah telah berkhidmat **tidak kurang dari dua belas (12) bulan** di Langkawi/Labuan;
- (ii) Kenderaan yang hendak diimport **mesti didaftarkan atas nama pemohon** tempat ia bertugas di Langkawi/Labuan dalam tempoh **tidak kurang dari enam (6) bulan** dari tarikh bertukar balik ke Semenanjung/Sabah/Sarawak;
- (iii) Pengecualian 50% duti import dan duti eksais hanya diberi kepada pegawai/kakitangan yang bertukar balik ke Semenanjung/Sabah/Sarawak dan bukannya bertukar ke negara lain;
- (iv) Permohonan perlu **dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan** daripada tarikh diarah pulang/bertugas; dan
- (v) Semua **dokumen sokongan perlu disahkan** oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A.

**3. Senarai dokumen sokongan yang diperlukan:**

- (i) Salinan pelantikan sebagai surat arah bertugas ke Langkawi/Labuan;
- (ii) Salinan surat arahan pertukaran pulang ke Semenanjung/Sabah/Sarawak;
- (iii) Salinan geran kenderaan (muka depan dan belakang);
- (iv) Salinan lesen memandu (muka depan dan belakang);
- (v) Salinan kad pengenalan (muka depan dan belakang); dan
- (vi) Surat permohonan daripada Ketua Jabatan yang mengesahkan telah melapor diri di penempatan baru;

#### 4. Syarat-Syarat Kelulusan

- (i) Kenderaan hendaklah didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atas nama pemohon;
- (ii) Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik tanpa membayar balik duti import dan duti eksais mengikut kiraan Jabatan Kastam Diraja Malaysia semasa berlakunya penjualan atau pertukaran milik.

5. Permohonan boleh dikemukakan ke email [pcktp@customs.gov.my](mailto:pcktp@customs.gov.my) dengan mengisi Borang Permohonan seperti di **Lampiran A** atau boleh menghubungi pegawai seperti berikut untuk pertanyaan:

**Nama Pegawai** : Ahmad Yuslizan bin Mohamad  
**No. Tel** : 03 – 8882 2556  
**Email** : [yuslizan.mohamad@customs.gov.my](mailto:yuslizan.mohamad@customs.gov.my)

**Nama Pegawai** : Norsyida binti Zulhalmi  
**No. Tel** : 03 – 8882 4856  
**Email** : [norsyida.zulhalmi@customs.gov.my](mailto:norsyida.zulhalmi@customs.gov.my)

Bahagian Perkastaman, Cawangan Import Eksport dan Kawalan Sempadan  
Unit Kawalan Import Eksport 1  
21 November 2023

**LAMPIRAN A**

**PERMOHONAN PENGECUALIAN 50% DUTI IMPORT DAN DUTI EKSAIS KE ATAS  
KENDERAAN PERSENDIRIAN YANG DIBAWA PULANG OLEH  
PEGAWAI KERAJAAN / BADAN BERKANUN YANG TAMAT BERKHIDMAT DI  
LANGKAWI / WP LABUAN**

Nama pemohon :

Tempat bertugas di Langkawi / WP Labuan :

Tempat bertugas sekarang :

Tarikh permohonan :

BIL	PERKARA	ADA	TIADA	CATATAN
1.	Surat / e-mel permohonan pengecualian duti / cukai			
2.	Salinan kad pengenalan pemohon			
3.	Salinan lesen memandu pemohon			
4.	Salinan surat arahan bertugas / surat lapor diri ke Langkawi / WP Labuan.  4.1 Telah bertugas <b>melebihi dua belas (12) bulan</b> di Langkawi / WP Labuan: Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>			Ditempatkan di pada
5.	Salinan surat arahan pertukaran / surat lapor diri ke penempatan baharu di Semenanjung / Sabah / Sarawak.			Ditempatkan di pada
6.	Surat pengesahan telah melapor diri di penempatan baharu oleh Ketua Jabatan baharu  6.1 Tempoh permohonan dikemukakan dari tarikh pengesahan telah melapor diri:  Kurang Enam (6) Bulan <input type="checkbox"/>  Lebih Enam (6) Bulan <input type="checkbox"/>			Ditempatkan di pada
7.	Salinan geran kenderaan pemohon  7.1 Kenderaan telah didaftarkan atas nama pemohon di Langkawi / WP Labuan <b>melebihi enam (6) bulan</b> dari tarikh bertukar balik ke Semenanjung / Sabah / Sarawak: Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>			Tarikh pendaftaran:
8.	Dokumen telah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.			